

30 SEP 2000

Aids

MALAYSIA BOLEH MEMPERLAHAN MEREBAK VIRUS AIDS

KUALA LUMPUR, 30 Sept (Bernama) -- Malaysia boleh memperlakukan virus Aids daripada merebak di negara ini dan mengurangkan kesan wabak itu ke atas kedudukan ekonomi dan sosial jika ia mencontohi program pencegahan yang dilaksanakan oleh Thailand dan Uganda.

Pengerusi Yayasan Aids Malaysia Datin Seri Marina Mahathir berkata kedua-dua negara itu telah melaksanakan program pencegahan dengan menggabungkan kombinasi kesungguhan politik, sumber yang mencukupi dan kerjasama antara kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan dan sektor swasta.

Melalui program itu, kadar dijangkiti dapat diperlahankan dan dalam kes Thailand, kurang separuh daripada bilangan asal yang mulanya diramalkan dijangkiti HIV menjelang tahun 2000 telah dijangkiti, kata beliau pada majlis jamuan Gala Riben Merah 2000 di sini malam ini.

Majlis itu, anjuran Yayasan itu bertujuan mengutip derma bagi kerja-kerja amal yang dijalankan oleh Majlis Aids Malaysia di negara ini.

Majlis jamuan itu yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga penaung yayasan, telah mengutip RM2 juta hasil sumbangan badan korporat dan lelongan pelbagai barangan.

barang-barang yang dilelong termasuk sebuah kereta Satria GTi 1.8, rantai leher Bvlgari Tubogas, Perjalanan Eastern and Oriental Express ke Bangkok, beg tangan chanel bersama baucar RM10,000, set meja tembikar Hermes, baucar hadiah RM10,000, baucar hadiah Aseana RM10,000.

Pada majlis itu, Dr Mahathir juga menyampaikan anugerah Media Riben Merah kepada wartawan media cetak dan penyiaran.

Bagi media cetak untuk akhbar dan majalah, pemenangnya ialah penulis majalah Jelita Lily Haslina Nasir bagi bahagian Bahasa Malaysia sementara Lim Li Min dari majalah Cleo (kategori bahasa Inggeris), Koh Yoke Moi dari Nanyang Siang Pau (kategori bahasa Cina) dan P. R Thirumurugan dari Tamil Nisan bagi bahagian bahasa Tamil.

Persatuan Pengasih Malaysian diumumkan sebagai pemenang Anugerah Dr Siti Hasmah Award atas usahanya membantu masyarakat meningkatkan pemahaman mengenai Aids.

-- BERNAMA

ARA ARA FAZ